

Dasar Privasi

Tarikh terakhir diubah suai: November 14, 2022

BAHAGIAN 1: UNDANG-UNDANG PRIVASI DATA DAN HAK DIGITAL ANDA

Apakah Dasar ini?

Selamat datang ke Dasar Privasi kami! Ia adalah sangat bagus kerana anda ingin mengetahui lebih lanjut tentang cara kami memastikan maklumat anda selamat. Dasar ini akan memberi anda maklumat tentang cara kami menjaga data peribadi anda apabila anda melawat atau menggunakan perkhidmatan kami atau aplikasi (apps) kami. Dasar Privasi ini juga memberitahu anda tentang hak privasi anda dan bagaimana undang-undang melindungi anda. Akhir sekali, Dasar Privasi ini merangkumi aktiviti pengumpulan data dalam talian dan luar talian kami, termasuk data peribadi yang mungkin kami kumpulkan melalui pelbagai saluran kami seperti laman web, aplikasi, rangkaian sosial pihak ketiga, kedai runcit, tempat jualan dan acara-acara.

Ini adalah Dasar Privasi keseluruhan kami. Bagi sesetengah bidang-bidang kuasa, peruntukan tertentu tambahan bagi negara/negeri lain akan dipakai. Klik di sini untuk diarahkan kepada peruntukan tertentu tersebut.

Dalam kata lain, jika anda ingin mencari maklumat lanjut tentang cara kami mengumpul, menyimpan, menggunakan dan menzahirkan data peribadi anda, ini adalah tempat untuk anda!

Siapakah yang bertanggungjawab terhadap data peribadi anda?

Kumpulan LEGO terdiri daripada beberapa entiti-entiti undang-undang yang berbeza yang tersebar di seluruh dunia. Anda boleh membaca lebih lanjut mengenai Kumpulan LEGO di sini <https://www.lego.com/aboutus>.

Dasar Privasi ini dikeluarkan bagi pihak semua syarikat-syarikat dalam Kumpulan LEGO di mana LEGO System A/S adalah pengawal data (yang menjaga dan bertanggungjawab ke atas data tersebut). Dalam sesetengah keadaan, suatu entiti tempatan dalam Kumpulan LEGO telah mengenal

pasti pengawal data mereka sendiri untuk negara tempatan mereka di mana pemprosesan tempatan sedang berlaku. Untuk tujuan Dasar ini apabila kami menggunakan "kami" dalam Dasar ini, kami merujuk kepada LEGO System A/S.

Kami telah melantik seorang Pegawai Perlindungan Data ("DPO") yang bertanggungjawab untuk menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan Dasar Privasi ini. Jika anda mempunyai sebarang soalan mengenai Dasar ini, sila [hubungi kami](#). Anda juga boleh menghantar surat kepada DPO di:

LEGO System A/S
Aastvej 1, 7190 Bil,
Denmark
Att: DPO

Sila sertakan nama dan negara anda yang berkaitan dengan pertanyaan anda.

Hak privasi anda

Sebagai subjek data, anda mempunyai hak-hak berikut berkenaan dengan data peribadi yang kami simpan mengenai anda:

- **Permintaan akses kepada data peribadi anda.** Anda mempunyai hak untuk mengakses data peribadi yang kami simpan tentang anda. Dalam kebanyakan kes, maklumat ini sudah sedia ada kepada anda dalam perkhidmatan dalam talian anda dari kami. Walau bagaimanapun, hak anda untuk mengakses mungkin dihadkan oleh undang-undang, perlindungan privasi orang lain dan pertimbangan bagi amalan perniagaan, pengetahuan, rahsia perniagaan dan penilaian dalaman Kumpulan LEGO.
- **Permintaan pembetulan data yang tidak betul atau tidak lengkap.** Jika data yang kami ada mengenai anda tidak betul atau tidak lengkap, anda berhak untuk mendapatkan data tersebut dibetulkan, dengan sekatan yang mengikut undang-undang.
- **Permintaan pemadaman** Anda mempunyai hak untuk meminta pemadaman data anda apabila:

1. data peribadi tersebut tidak lagi diperlukan berhubungan dengan tujuan-tujuan ia dikumpulkan atau diproseskan sebaliknya;
2. anda menarik balik persetujuan anda terhadap pemprosesan dan terdapat tiada sebab lain yang sah untuk pemprosesan;
3. anda membantah pemprosesan dan terdapat tiada sebab yang wajar untuk meneruskan pemprosesan tersebut; 4. atau pemprosesan tersebut menyalahi undang-undang

Sila ambil perhatian bahawa, dalam keadaan tertentu, kami mungkin perlu menyimpan sesetengah data peribadi anda selepas anda meminta pemadaman untuk memenuhi kewajipan undang-undang atau kontrak kami. Kami juga mungkin dibenarkan oleh undang-undang berkenaan untuk mengekalkan sesetengah data peribadi anda untuk memenuhi keperluan perniagaan kami.

- **Had pemprosesan data peribadi.** Jika anda mempertikaikan ketepatan data yang kami telah daftarkan mengenai anda atau kesahihan pemprosesan, atau jika anda telah membantah pemprosesan data mengikut hak anda untuk membantah, anda boleh meminta kami untuk menyekat pemprosesan data ini. Pemprosesan akan dihadkan kepada penyimpanan sahaja, sehingga ketepatan data dapat diwujudkan, atau dapat diperiksa sama ada kepentingan sah kami mengatasi kepentingan anda. Walaupun pemprosesan data anda telah dihadkan seperti yang diterangkan di atas, Kumpulan LEGO boleh memproses data anda dengan cara lain jika ia diperlukan untuk menguatkuasakan tuntutan undang-undang atau memproses data yang dikumpulkan sebelum ini jika anda telah memberikan persetujuan anda sebelum ini.
- **Membantah pemprosesan berdasarkan kepentingan sah kami.** Anda sentiasa boleh membantah pemprosesan data peribadi tentang anda berdasarkan kepentingan sah. Jika kami memproses data anda untuk pemasaran langsung dan pemprofilan berkaitan dengan pemasaran sedemikian, bantahan anda akan sentiasa dikekalkan. Untuk bantahan terhadap pemprosesan bagi tujuan lain, kami akan menjalankan ujian pengimbangan kepentingan sah dan mempertimbangkan sama ada untuk membenarkan bantahan anda.
- **Kemudahan data.** Anda mempunyai hak untuk menerima data peribadi yang telah anda berikan kepada kami dalam format yang boleh dibaca oleh mesin. Hak ini terpakai kepada data peribadi yang hanya diproses dengan cara automatik dan berdasarkan persetujuan atau memenuhi suatu kontrak.

- **Hak-hak lain.** Anda mempunyai hak untuk membuat aduan kepada Agensi Perlindungan Data Denmark, jika anda tidak berpuas hati dengan cara kami memproses data peribadi anda. Anda boleh menemui maklumat hubungan Agensi Perlindungan Data Denmark di www.datatilsynet.dk.

Maklumat lanjut: kemas kini

Jika kami mengubah cara kami mengendalikan data peribadi anda, kami akan mengemas kini Dasar Privasi ini. Kami berhak untuk membuat perubahan kepada amalan kami dan Dasar Privasi ini pada bila-bila masa, oleh demikian sila semak semula dengan kerap untuk mendapat maklumat sebarang kemas kini atau perubahan kepada Dasar Privasi kami.

BAHAGIAN 2: DATA PERIBADI

Apakah data peribadi yang dikumpulkan oleh Kumpulan LEGO?

Data peribadi adalah apa-apa maklumat mengenai seseorang yang mana orang itu boleh dikenal pasti. Kami mungkin mengumpul, menggunakan, menyimpan dan memindahkan pelbagai jenis data peribadi tentang anda yang telah kami kumpulkan bersama seperti berikut:

- **Data Identiti** termasuk nama pertama, nama keluarga, nama pengguna atau pengecam yang serupa, status perkahwinan, gelaran, tarikh lahir dan jantina.
- **Data Hubungan** termasuk alamat bil, alamat penghantaran, alamat e-mel dan nombor telefon.
- **Data Kewangan** termasuk akaun bank dan butiran kad pembayaran.
- **Data Transaksi** termasuk butiran tentang pembayaran kepada dan daripada anda dan butiran lain tentang produk dan perkhidmatan yang telah anda beli daripada kami.
- **Data Teknikal** termasuk alamat protokol internet (IP), data log masuk anda, jenis dan versi penyemak imbas, tetapan zon waktu dan lokasi, jenis dan versi pemalam penyemak imbas, sistem operasi dan platform, dan teknologi lain pada peranti-peranti yang anda gunakan untuk mengakses laman web ini.
- **Data Profil** termasuk nama pengguna dan kata laluan anda.

- **Data Pembeli** termasuk pembelian atau pesanan yang dibuat oleh anda, minat, keutamaan dan maklum balas atau jawapan tinjauan anda.
- **Data Penggunaan** termasuk maklumat tentang cara anda menggunakan laman web, produk dan perkhidmatan kami.
- **Data Pemasaran dan Komunikasi** termasuk pilihan anda untuk menerima pemasaran daripada kami dan pihak ketiga kami, mengambil bahagian dalam cabutan bertuah dan peraduan hadiah lain dan pilihan komunikasi anda.

Kami juga mengumpul, menggunakan dan menzahirkan **Data Agregat** seperti data statistik atau demografi untuk sebarang tujuan. Data Agregat boleh diperoleh daripada data peribadi anda tetapi tidak dianggap sebagai data peribadi kerana data ini tidak akan mendedahkan identiti anda secara langsung atau tidak langsung. Sebagai contoh, kami mungkin mengagregatkan Data Penggunaan anda untuk mengira peratusan pengguna yang mengakses ciri laman web tertentu. Walau bagaimanapun, jika kami menggabungkan atau menyambungkan Data Agregat dengan data peribadi anda supaya ia dapat mengenal pasti anda secara langsung atau tidak langsung, kami menganggap data gabungan itu sebagai data peribadi yang akan digunakan mengikut Dasar Privasi ini.

Kami menggunakan **Data Dengan Nama Samaran** untuk meminimumkan kesan privasi tersebut kepada anda.

Nama Samaran adalah kaedah yang menggantikan atau membuang maklumat dalam set data yang mengenal pasti individu tetapi membenarkan pengawal data atau pihak ketiga mengenal pasti semula data peribadi dengan usaha yang munasabah. Ia adalah penting untuk mengetahui bahawa tidak seperti anonimisasi, nama samaran tidak mengeluarkan semua maklumat pengenalan dari data tersebut tetapi hanya mengurangkan hubungan suatu set data dengan identiti individu.

Kami tidak secara proaktif mengumpul apa-apa **Kategori Khas Data Peribadi** tentang anda (ini termasuk butiran tentang bangsa atau etnik anda, kepercayaan agama atau falsafah, kehidupan seks, orientasi seksual, pendapat politik, keahlian kesatuan sekerja, maklumat mengenai kesihatan anda, atau maklumat genetik, data biometrik untuk tujuan pengenalan, atau maklumat mengenai sabitan dan kesalahan jenayah).

Jika anda gagal memberikan data peribadi yang diperlukan kepada kami (kami akan memberitahu anda apabila ini berlaku, sebagai contoh, dengan menjelaskan maklumat ini dalam borang pendaftaran kami), kami mungkin tidak dapat menyediakan barangan dan/atau perkhidmatan kami kepada anda.

Bagaimanakah Kumpulan LEGO mengumpul data peribadi daripada anda?

Kami mengumpul data peribadi daripada sumber-sumber berikut:

- **Laman web** termasuk mana-mana laman web yang dikendalikan oleh atau untuk Kumpulan LEGO, termasuk laman web yang kami kendalikan di bawah domain/URL dan laman mini kami sendiri yang kami jalankan di rangkaian sosial pihak ketiga seperti Facebook.
- **Permainan/aplikasi mudah alih** termasuk permainan mudah alih atau aplikasi yang dikendalikan oleh atau untuk Kumpulan LEGO, seperti aplikasi telefon pintar.
- **E-mel, teks dan mesej elektronik** lain termasuk komunikasi elektronik antara anda dan Kumpulan LEGO.
- **Khidmat Pelanggan** termasuk panggilan atau sembang dalam talian dengan kakitangan Khidmat Pelanggan kami.
- **Kedai runcit**, yang termasuk kedai yang diuruskan oleh atau untuk Kumpulan LEGO.
- **Borang pendaftaran dalam talian** termasuk pendaftaran Akaun LEGO, pendaftaran program kesetiaan VIP, langganan majalah LEGO Life.
- **Borang pendaftaran luar talian** termasuk pendaftaran bercetak dan borang serupa yang kami kumpulkan melalui, contohnya, mel pos, demo dalam kedai, peraduan dan promosi lain, atau acara-acara.
- **Peraduan pengguna dalam talian dan cabutan bertuah.**
- **Program kesetiaan VIP** kami termasuk aktiviti-aktiviti anda dalam program ini.
- **Penyelidikan** di mana anda dan / atau anak-anak anda boleh mengambil bahagian, baik secara peribadi dan dalam talian.

Data peribadi yang mungkin dikumpulkan oleh Kumpulan LEGO daripada pihak ketiga

Kami mungkin menerima data peribadi tentang anda daripada pelbagai pihak ketiga dan sumber awam seperti yang dinyatakan di bawah:

- Data Teknikal daripada pihak-pihak berikut:
 1. pembekal analisis;
 2. rangkaian pengiklanan; dan
 3. pembekal maklumat carian.

- **Data Hubungan, Kewangan dan Transaksi** daripada pembekal perkhidmatan teknikal, pembayaran dan penghantaran.
- **Data Identiti dan Hubungan** daripada broker data atau agregator.
- **Data Identiti dan Hubungan** daripada sumber yang tersedia secara umum.
- **Data Identiti, Hubungan dan Pembeli** daripada rakan kongsi runcit dan hiburan seperti Merlin Entertainments dan rakan Kedai Bertauliah LEGO.

Bagaimanakah Kumpulan LEGO menggunakan data peribadi anda?

Tujuan dan asas undang-undang untuk pemprosesan

Aplikasi LEGO® dan saluran dalam talian

Apa yang dilakukan oleh anda	Apa yang kami kumpulkan	Mengapa kami mengumpulnya	Asas Undang-undang
------------------------------	-------------------------	---------------------------	--------------------

<p>Gunakan aplikasi LEGO® atau saluran dalam talian</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Data teknikal • Data penggunaan • Di samping itu, data dikumpulkan menggunakan kuki* di aplikasi-aplikasi atau laman-laman web kami (setakat mana anda telah bersetuju dengan penggunaan kuki). Lihat Seksyen 3 Dasar ini atau Dasar Kuki kami untuk maklumat lanjut tentang cara kuki berfungsi dan jenis data yang mereka kumpulkan • Jika anda ingin membuat Akaun LEGO 	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk mengoptimumkan pengalaman pengguna dan fungsi aplikasi kami dan • Untuk menyampaikan pemasaran yang disesuaikan, termasuk penyasaran semula, jika anda telah memberikan persetujuan anda kepada kami (lihat Deklarasi Kuki kami untuk maklumat lanjut) • Untuk memperbaiki dan menyesuaikan pengalaman anda di aplikasi, laman web, dan perkhidmatan 	<ul style="list-style-type: none"> • Persetujuan anda, art. 6(1)(a), GDPR, berkenaan dengan penggunaan kuki oleh kami (setakat mana persetujuan tersebut diberikan) • Kepentingan sah, art. 6(1)(f), GDPR. Kepentingan sah kami adalah untuk dapat mengoptimumkan dan menambah baik aplikasi dan saluran dalam talian kami, agar relevan kepada pengguna kami dalam usaha pemasaran kami di saluran kami sendiri dan juga di saluran pihak ketiga; untuk
---	---	--	--

	<p>untuk digunakan pada aplikasi dan saluran dalam talian kami, kami memproses Data Identiti, Data Hubungan dan Data Profil tertentu, yang diberikan oleh anda semasa anda mendaftar untuk Akaun LEGO® atau mengedit profil anda</p> <p>*Jika seseorang kanak-kanak di bawah umur 16 tahun mengakses saluran dalam talian yang direka untuk kanak-kanak dengan menggunakan pintu umur, kami akan mendapatkan persetujuan ibu bapa sebelum mengumpul sebarang maklumat peribadi daripada kanak-kanak tersebut (lihat Seksyen 4 dalam Dasar ini untuk maklumat lanjut)</p>	<p>kami (seperti program VIP LEGO® dan Pusat Keutamaan LEGO.com)</p> <p>Untuk memastikan</p> <ul style="list-style-type: none"> • bahawa kandungan daripada aplikasi dan laman web kami dioptimumkan untuk anda dan untuk komputer atau peranti anda <p>Untuk membolehkan</p> <ul style="list-style-type: none"> • anda mengambil bahagian dalam ciri-ciri interaktif apabila anda memilih untuk berbuat demikian <p>Untuk membantu anda</p> <ul style="list-style-type: none"> • membuat Akaun LEGO® <p>Untuk mengesahkan</p> <ul style="list-style-type: none"> • dan mendokumenkan bahawa pencipta Akaun LEGO® adalah bukan kanak-kanak di bawah umur 16 tahun. <p>Untuk dapat menjana</p> <ul style="list-style-type: none"> • statistik dan 	<p>memastikan bahawa aplikasi dan laman web kami berjalan lancar untuk pengguna, dan untuk memastikan bahawa kami tidak memproses data peribadi kanak-kanak di bawah umur 16 tahun tanpa persetujuan ibu bapa.</p>
--	--	---	--

		<p>pandangan berdasarkan Data Agregat untuk memahami kesihatan perniagaan kami dan mengukur keberkesanan kempen pengiklanan dan promosi kami</p> <ul style="list-style-type: none">• Untuk memberi anda pemasaran yang relevan semasa penglibatan dengan kami di saluran kami sendiri dan juga melalui saluran pihak ketiga (contohnya media sosial, laman carian, tempat pasaran)• Untuk mencari /pengambilan pelanggan baru yang bakal serupa dengan pelanggan semasa kami	
--	--	---	--

Pemenuhan Pesanan

Apa yang dilakukan oleh anda	Apa yang kami kumpulkan	Mengapa kami mengumpulnya	Asas Undang-undang
-------------------------------------	--------------------------------	----------------------------------	---------------------------

<p>Buat pesanan dengan kami</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Data Identiti dan Data Hubungan • Data Pembeli • Data Kewangan • Jika anda ingin membuat Akaun LEGO untuk digunakan pada aplikasi dan saluran dalam talian kami, kami memproses Data Identiti, Data Hubungan dan Data Profil tertentu, yang diberikan oleh anda semasa mendaftar untuk Akaun LEGO® atau mengedit profil anda. • Data Transaksi • Data Teknikal 	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk memenuhi perjanjian pembelian yang dibuat dengan anda, termasuk memproses dan menghantar pesanan anda dan mengendalikan hak anda untuk memulangkan barangan atau memfailkan aduan • Untuk mematuhi undang-undang mengenai e.g penarikan balik produk, simpan kirakira dan hak pengguna • Untuk mengetahui siapa pembeli-pembeli kami • Untuk membolehkan anda menyimpan Data Pembayaran, Data Identiti dan Data 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelaksanaan kontrak, art. 6(1)(b), GDPR, berkenaan dengan perjanjian pembelian bersama kami. • Kewajipan undang-undang, art. 6 (1) (c), GDPR, berkenaan dengan pematuhan kami dengan undang-undang mengenai e.g, penarikan balik produk, simpan kirakira dan hak pengguna • Kepentingan sah, art. 6(q) (f) GDPR. Kepentingan sah kami untuk mengenali pembeli kami dan memberikan mereka pengalaman membelibelah yang lancar • Kepentingan sah, art. 6(1)(f), GDPR.
---------------------------------	---	--	--

		<p>Hubungan anda atau yang serupa untuk memudahkan pembelian atau interaksi masa depan dengan kami</p> <p>Untuk menjalankan aktiviti pencegahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • penipuan 	<p>Kepentingan sah kami adalah untuk mengelakkan aktiviti penipuan berkaitan dengan pembelian yang dibuat di laman web kami</p>
--	--	--	---

Bantuan Pelanggan

Apa yang dilakukan oleh anda	Apa yang kami kumpulkan	Mengapa kami mengumpulnya	Asas Undang-undang
Berinteraksi dengan fungsi bantuan pelanggan kami	<ul style="list-style-type: none"> • Data Identiti dan Data Hubungan • Data Transaksi • Data Penggunaan • Data Teknikal dan Maklumat mengenai isu teknikal • Soalan/aduan produk • Maklum balas (e.g, disampaikan melalui saluran komunikasi 	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk memberi anda bantuan • Untuk mencari pesanan atau menghantar penggantian kepada anda • Untuk mendapatkan pandangan tentang bagaimana kami boleh menambah baik produk dan perkhidmatan kami 	<ul style="list-style-type: none"> • Persetujuan anda, art. 6 (1) (a), GDPR, apabila anda menghubungi bantuan pelanggan kami dan memberi kami maklumat mengenai permintaan bantuan anda • Kepentingan sah, art. 6(1)(f), GDPR. Kepentingan sah kami adalah untuk mengoptimumkan perkhidmatan dan

	<ul style="list-style-type: none"> • atau media sosial kami) • Soalan umum • Maklumat atau kandungan lain berkenaan dengan sebab pertanyaan anda 	<ul style="list-style-type: none"> • Bertindak mengikut undang-undang yang terpakai semasa bertindak balas terhadap aduan pengguna • Untuk memenuhi perjanjian ini, yang kami telah membuat dengan anda berkenaan pembelian anda daripada kami 	<ul style="list-style-type: none"> • produk pelanggan kami • Kewajipan undang-undang, art. 6 (1) (c), GDPR, berkenaan dengan pematuhan • kami dengan undangundang Pelaksanaan kontrak, art. 6(1)(b), GDPR, berkenaan dengan perjanjian pembelian bersama kami
--	---	--	--

Komunikasi Pemasaran Digital (contohnya e-mel, SMS, mesej pemberitahuan segera (push messages) atau pemasaran langsung yang serupa)

Apa yang dilakukan oleh anda	Apa yang kami kumpulkan	Mengapa kami mengumpulnya	Asas Undang-undang
<ul style="list-style-type: none"> • Melanggan satu atau lebih komunikasi pemasaran digital kami di mana langganan pilih masuk diperlukan secara sah • Tidak memilih keluar untuk menerima satu atau lebih komunikasi pemasaran digital kami 	<ul style="list-style-type: none"> • Data Pemasaran dan Data Komunikasi • Data Identiti yang diperlukan • Maklumat tentang jenis komunikasi pemasaran yang anda buka dan cara anda 	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk dapat menyampaikan komunikasi pemasaran digital kami kepada anda • Untuk menjalankan statistik dalaman dan mendapatkan pandangan dan untuk mengoptimumkan dan 	<ul style="list-style-type: none"> • Persetujuan anda, art. 6(1)(a), GDPR, yang diberikan oleh langganan anda kepada komunikasi pemasaran • Kepentingan sah kami, art. 6 (1) (f) GDPR untuk memahami keberkesanan

<p>daripada surat berita kami</p>	<p>berinteraksi dengan kandungan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • menyesuaikan kedua-dua kandungan dan penghantaran surat berita komunikasi kami kepada mereka yang ingin menerimanya <p>Untuk memberi anda pemasaran yang relevan berdasarkan minat dan keutamaan anda semasa berurusan dengan kami di saluran</p> <ul style="list-style-type: none"> • berjenama LEGO® kami sendiri dan juga melalui saluran pihak ketiga (contohnya media sosial, laman carian, tempat pasaran) <p>Untuk mencari / pengambilan pelanggan baru yang bakal serupa dengan pelanggan semasa kami ("serupa") atau memastikan bahawa</p>	<p>pemasaran kami di luar saluran kami sendiri (e.g. melalui Media Sosial, enjin carian atau tempat pasaran)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Persetujuan anda, art. 6 (1) (a) GDPR untuk membolehkan kami menasarkan anda dengan pemasaran diperibadikan di luar saluran berjenama kami sendiri (e.g melalui Media Sosial, enjin carian atau tempat pasaran) • Kepentingan sah, art. 6(1)(f), GDPR. Kepentingan sah kami untuk memberi anda kandungan mesej pemasaran anda yang relevan berdasarkan pandangan agregat daripada pembeli dan pengguna di laman web kami
-----------------------------------	--------------------------------------	--	--

		pelanggan semasa tidak disasarkan	
--	--	--------------------------------------	--

		dengan mesej pemasaran yang tidak relevan ("senarai penindasan")	<ul style="list-style-type: none"> • Kepentingan sah, art. 6(1)(f), GDPR. Kepentingan sah kami adalah untuk mendapatkan statistik untuk kegunaan dalaman bagi menambah baik produk dan perkhidmatan kami
--	--	--	---

Katalog

Apa yang dilakukan oleh anda	Apa yang kami kumpulkan	Mengapa kami mengumpulnya	Asas Undang-undang
------------------------------	-------------------------	---------------------------	--------------------

<ul style="list-style-type: none"> • Membeli-belah secara aktif di laman web kami • Tidak memilih keluar untuk tidak menerima katalog daripada kami • Meminta secara aktif untuk menerima katalog LEGO® • Benarkan broker data pihak ketiga untuk menghantar katalog pemasaran kepada anda 	<ul style="list-style-type: none"> • Data Pemasaran dan Data Komunikasi • Data Identiti dan Data Hubungan yang Diperlukan 	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk menghantar katalog kami dan berkongsi dengan broker data pihak ketiga dan pengagregat data kami untuk memastikan anda tidak dihantar Katalog LEGO® daripada kami berdua pada masa yang sama (juga dipanggil senarai penindasan) atau mengemukakan permintaan pilih 	<ul style="list-style-type: none"> • Kepentingan sah kami, art. 6(1)(f), GDPR, untuk menghantar katalog yang mengandungi produkproduk yang serupa dengan apa yang anda telah beli (membenarkan anda untuk memilih keluar) • Kepentingan sah kami, art. 6(1)(f), GDPR untuk menghantar katalog yang anda
--	---	--	---

		<ul style="list-style-type: none">• keluar anda kepada mereka (di mana mereka adalah pengawal data peribadi anda) Berdasarkan data agregat, untuk memahami kaitan dan keberkesanan pemasaran kami terhadap anda bagi tujuan untuk mencari pelanggan baru yang serupa dengan anda	<ul style="list-style-type: none">• minta secara nyata daripada kami Persetujuan anda, art 6(1)(a), GDPR, untuk membolehkan kami menggunakan data lain yang kami ada mengenai anda untuk menyesuaikan secara khusus kandungan• katalog yang kami hantar kepada anda Kepentingan sah kami, art. 6(1)(f), GDPR, untuk memastikan pengalaman jenama LEGO® yang baik• Kepentingan sah kami art 6 (1) (f) GDPR, untuk memahami keberkesanan pemasaran umum katalog kami.• Kepentingan sah kami art 6 (1) (f) GDPR
--	--	--	---

			<p>untuk menggunakan data anda bagi tujuan lebih memahami ciri-</p>
			<p>ciri dan keutamaan pelanggan semasa kami dan menggunakannya untuk mencari pelanggan baru yang serupa dengan anda</p> <ul style="list-style-type: none"> • Persetujuan anda. 6. (1) (a), GDPR untuk membolehkan kami menggunakan data lain yang kami ada mengenai anda untuk menyesuaikan secara khusus kandungan katalog yang kami hantar kepada anda

Pengendalian akaun VIP LEGO® dan statistik & pandangan

Apa yang dilakukan oleh anda	Apa yang kami kumpulkan	Mengapa kami mengumpulnya	Asas Undang-undang
------------------------------	-------------------------	---------------------------	--------------------

<p>Pendaftaran dan penggunaan akaun VIP LEGO®</p>	<ul style="list-style-type: none">• Kami memproses Data Identiti, Data Hubungan dan Data Profil tertentu, yang diberikan oleh anda semasa anda mendaftar untuk	<ul style="list-style-type: none">• Untuk membolehkan kami mengendalikan keahlian VIP LEGO® anda dan memberi anda akses kepada faedah keahlian VIP	<ul style="list-style-type: none">• Pelaksanaan kontrak, art 6 (1) (b), GDPR, yang merupakan perjanjian kami dengan anda tentang VIP anda
---	--	--	---

	<ul style="list-style-type: none"> • akaun VIP atau menyunting profil anda • Maklumat berkenaan dengan nombor kad VIP anda • Data Transaksi dan Data Pembeli jika anda telah menggunakan keahlian VIP anda • berkenaan dengan pembelian • Maklumat yang dikumpul menggunakan kuki (setakat mana anda telah memberi persetujuan untuk penggunaan kuki) 	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk membolehkan kami berkomunikasi dengan anda mengenai keahlian VIP anda • Untuk melihat bagaimana anda telah memperoleh dan membelanjakan mata VIP anda • Untuk mencipta pengalaman yang disesuaikan apabila anda log masuk ke akaun VIP anda, termasuk untuk menunjukkan produk yang kami fikir anda mungkin suka • Untuk menjana statistik dan pandangan berdasarkan Data Agregat untuk menambah baik program VIP dan untuk mewujudkan lebih 	<ul style="list-style-type: none"> • Kepentingan sah, art. 6(1)(f), GDPR. Kepentingan sah kami adalah untuk memberi anda maklumat yang relevan apabila menggunakan platform kami • Persetujuan anda, art. 6(1)(a), GDPR, berhubung dengan penggunaan kuki oleh kami (setakat mana persetujuan tersebut diberikan) • Kepentingan sah, art. 6(1)(f), GDPR, berhubung dengan penjanaan statistik dan pandangan berdasarkan Data Agregat • Kepentingan sah kami, art. 6 (1) (f) GDPR untuk menggunakan data anda bagi tujuan lebih memahami
--	--	---	---

banyak nilai bagi
pembeli kami yang

ciriciri dan keutamaan
pelanggan sedia ada

		<p>mendaftar. Sebagai contoh, ini termasuk untuk menambah baik pemilihan ganjaran masa depan dan perubahan dasar program VIP. Kami melakukan ini untuk dapat menilai dan mengoptimumkan kesihatan program VIP dan mengendali, membangun dan memasarkan program ini</p> <p>Untuk memberi anda pemasaran yang relevan berdasarkan minat dan keutamaan anda semasa berurusan dengan kami di saluran berjenama LEGO® kami sendiri dan juga melalui saluran pihak ketiga (contohnya media sosial, laman</p> <p>.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • kami dan menggunakannya untuk mencari pelanggan baru yang serupa dengan anda <p>Kepentingan sah kami, art. 6 (1) (f) GDPR untuk memahami keberkesanan pemasaran kami di</p> <ul style="list-style-type: none"> • luar saluran kami sendiri (contohnya, melalui Media Sosial, enjin carian atau tempat pasaran) <p>Persetujuan anda, art. 6 (1) (a) GDPR untuk membolehkan kami menyasarkan anda dengan pemasaran yang diperibadikan di luar saluran kami sendiri (contohnya, melalui Media Sosial, enjin carian atau tempat pasaran)</p>
--	--	---	---

		carian, tempat pasaran)	
--	--	----------------------------	--

		<ul style="list-style-type: none"> • Untuk pengambilan pelanggan baru yang bakal serupa dengan pelanggan semasa kami ("serupa") atau memastikan bahawa pelanggan semasa tidak disasarkan dengan mesej pemasaran yang tidak relevan ("senarai penindasan") 	
--	--	--	--

Analisis lanjutan akaun VIP LEGO®

Apa yang dilakukan oleh anda	Apa yang kami kumpulkan	Mengapa kami mengumpulnya	Asas Undang-undang
------------------------------	-------------------------	---------------------------	--------------------

<p>Penggunaan akaun VIP LEGO® anda semasa anda memberikan kami persetujuan anda untuk melakukan analisis lanjutan</p>	<ul style="list-style-type: none"> Data Transaksi dan Data Pembeli jika anda telah menggunakan keahlian VIP anda berhubungan dengan pembelian, termasuk maklumat mengenai halaman web mana yang anda layari di LEGO.com dan produk mana yang anda klik 	<p>Untuk membolehkan kami menyesuaikan pemasaran kami kepada anda dan minat peribadi anda daripada peramalan keutamaan anda berdasarkan maklumat peribadi anda, termasuk maklumat yang berkaitan dengan baki mata VIP, sejarah penebusan mata VIP, aktiviti ahli VIP, sejarah pembelian, keutamaan produk, data kuki pelayaran dalam talian</p>	<ul style="list-style-type: none"> Persetujuan anda, 6(1)(a), GDPR, berhubungan dengan analisis lanjutan. Persetujuan anda boleh diberikan dengan memilih masuk semasa membuat akaun VIP atau dengan memilih masuk di
---	---	---	--

	<p>apabila anda log masuk ke akaun VIP anda</p> <ul style="list-style-type: none"> • Maklumat mengenai surat berita mana yang anda buka dan klik masuk • Maklumat yang dikumpul menggunakan kuki (setakat mana anda telah memberi persetujuan untuk penggunaan kuki) • Maklumat mengenai peraduan atau cabutan bertuah mana yang anda sertai 	<p>(jika memilih masuk secara berasingan), data lokasi anda dan sebarang maklumat lain yang berkaitan dengan Akaun LEGO anda dan/atau akaun VIP LEGO anda</p>	<p>halaman akaun VIP anda</p> <ul style="list-style-type: none"> • Persetujuan anda, art. 6(1)(a), GDPR, berhubungan dengan penggunaan kuki oleh kami (setakat mana persetujuan tersebut diberikan)
--	---	---	--

Peraduan, cabutan bertuah, pemasaran dan promosi lain

Apa yang dilakukan oleh anda	Apa yang kami kumpulkan	Mengapa kami mengumpulnya	Asas Undang-undang
<p>Penyertaan peraduan atau cabutan bertuah atau menerima komunikasi daripada kami tentang peraduan, cabutan bertuah, kempen atau promosi</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Data Identiti • Data Hubungan 	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk mengendalikan peraduan dan cabutan bertuah • Untuk menjana statistik dan pandangan 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelaksanaan kontrak, art. 6(1)(b), GDPR, yang merupakan perjanjian dengan anda tentang terma-

		<p>berdasarkan Data Agregat bagi tujuan mengenalpasti kesihatan perniagaan kami dan kempen dan promosi kami</p> <p>Untuk menghubungi anda jika anda</p> <ul style="list-style-type: none"> • memenangi hadiah <p>Memenuhi keperluan pengawalseliaan</p> <ul style="list-style-type: none"> • 	<ul style="list-style-type: none"> • terma perakuan atau cabutan bertuah <p>Kepentingan sah, art. 6(1)(f), GDPR, berhubung dengan penjana statistik dan pandangan berdasarkan Data Agregat dan berkaitan dengan menghubungi anda jika anda memenangi hadiah</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kewajipan undang-undang, art. 6 (1) (c), GDPR, berkenaan dengan pematuhan kami dengan undangundang
--	--	--	---

Rangkaian sosial sendiri Kumpulan LEGO

Apa yang dilakukan oleh anda	Apa yang kami kumpulkan	Mengapa kami mengumpulnya	Asas Undang-undang
------------------------------	-------------------------	---------------------------	--------------------

Berinteraksi dengan rangkaian sosial Kumpulan LEGO (seperti LEGO Life dan LEGO® IDEAS)	Maklumat yang telah anda berikan, yang mungkin termasuk komen, reaksi, perkongsian siaran akaun media sosial kami atau kandungan yang dijana oleh pengguna lain	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk menjawab soalan anda • Untuk melapor dan menganalisis 	<ul style="list-style-type: none"> • Kepentingan sah, art. 6(1)(f), GDPR, berhubungan dengan menjawab soalan anda dan melaporkan dan
		<ul style="list-style-type: none"> • penglibatan pengguna di platform <p>Untuk memberi anda peluang untuk mempengaruhi produk baru mana yang kami lancarkan</p>	<p>menganalisis penglibatan pengguna</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pelaksanaan kontrak, art. 6(1)(b), GDPR, yang merupakan perjanjian kami dengan anda tentang penyerahhakan hak harta intelek

Rangkaian sosial pihak ketiga

Apa yang dilakukan oleh anda	Apa yang kami kumpulkan	Mengapa kami mengumpulnya	Asas Undang-undang
------------------------------	-------------------------	---------------------------	--------------------

<p>Berinteraksi dengan ciri-ciri rangkaian sosial pihak ketiga, seperti fungsi "Suka"*</p> <p>*Platform media sosial boleh menggunakan maklumat peribadi yang dikumpulkan daripada akaun rangkaian sosial Kumpulan LEGO di platform mereka untuk tujuan mereka sendiri seperti yang diterangkan dalam dasar mereka sendiri</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Maklumat yang telah anda berikan, yang mungkin termasuk maklumat demografi tentang anda dan di mana anda tinggal, komen anda, reaksi, perkongsian siaran akaun media sosial kami atau kandungan yang dijana pengguna lain • Data prestasi analisis untuk siaran media sosial dan iklan digital 	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk melapor dan menganalisis penglibatan pengguna dengan kandungan yang disiarkan di platform • Untuk memberi anda peluang untuk mempengaruhi produk baru yang kami lancarkan 	<p>Kepentingan sah, art. 6(1)(f), GDPR, berkaitan dengan menganalisis dan melaporkan penglibatan pengguna dan pasca prestasi</p>
--	---	--	--

Acara penstriman langsung (di kedai dan dalam talian)

Apa yang dilakukan oleh anda	Apa yang kami kumpulkan	Mengapa kami mengumpulnya	Asas undang-undang
------------------------------	-------------------------	---------------------------	--------------------

<p>Mengambil bahagian secara langsung atau ditangkap di khalayak atau latar belakang acara penstriman langsung secara kebetulan*</p> <p>*Kawasan akan ditandakan dengan jelas, dan kami akan mendapatkan keizinan untuk orang yang disertakan secara langsung</p>	<p>Penstriman video langsung acara itu, yang merangkumi orang di kawasan yang dirakam.</p>	<p>Untuk dapat menganjurkan acara penstriman langsung bagi tujuan berinteraksi dengan pengguna</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Dengan persetujuan anda, art. 6(1)(a), GDPR, berhubungan dengan penyertaan secara langsung anda dalam acara penstriman langsung sedemikian • Kepentingan sah, art. 6(1)(f), GDPR, berhubungan dengan orang-orang yang ditangkap di khalayak ramai atau di latar belakang acara penstriman langsung dengan secara kebetulan
---	--	--	---

Pemantauan video (di kedai-kedai dan lokasi Kumpulan LEGO lain yang berkaitan)

Apa yang dilakukan oleh anda	Apa yang kami kumpulkan	Mengapa kami mengumpulnya	Asas Undang-undang
<p>Melawat Kedai LEGO® kami atau kemudahan lain Kumpulan LEGO yang boleh diakses secara umum</p>	<p>Rakaman video premis kami</p>	<p>Untuk mencegah dan mendokumentasikan pelanggaran bersifat jenayah, termasuk</p>	<p>Kepentingan sah, art. 6(1)(f), GDPR, berhubungan dengan pencegahan suatu pelanggaran undang-undang</p>

		kemasukan secara paksa, rompakan, kecurian, serangan, atau frod dan untuk menyediakan keselamatan dan keselamatan untuk pekerja	atau jenayah yang dilakukan di lokasi LEGO®
--	--	---	---

Rakan kongsi perniagaan dan hubungan komersial

Apa yang dilakukan oleh anda	Apa yang kami kumpulkan	Mengapa kami mengumpulnya	Asas Undang-undang
Masuk dalam hubungan komersial dengan kami sebagai suatu syarikat atau orang persendirian	<ul style="list-style-type: none"> • Data Identiti • Data Hubungan • Maklumat peribadi lain yang anda berikan kepada kami 	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk menguruskan hubungan komersial dengan anda atau syarikat anda • Untuk memenuhi kewajipan kami dalam hubungan komersial 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelaksanaan kontrak, art. 6(1)(b), GDPR, berkenaan dengan hubungan kontrak bersama kami • Kepentingan sah, art. 6(1)(f), GDPR. Kepentingan sah kami adalah untuk menguruskan hubungan kami dengan anda atau syarikat anda

Penyelidikan

Apa yang dilakukan oleh anda	Apa yang kami kumpulkan	Mengapa kami mengumpulnya	Asas Undang-undang
------------------------------	-------------------------	---------------------------	--------------------

<p>Mengambil bahagian dalam tinjauan penyelidikan, kumpulan fokus, atau penyelidikan lain</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Data Identiti • Data Hubungan • Gambar atau video (jika penyelidikan dijalankan secara peribadi) • Maklumat-maklumat peribadi lain yang anda berikan kepada kami 	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk menambah baik produk-produk dan perkhidmatanperkhidmatan semasa kami • Untuk membangun dan menambah baik produk-produk baru 	<p>Pelaksanaan kontrak, art. 6(1)(b), GDPR berhubungan dengan pelepasan peserta penyelidikan pasaran</p>
---	---	--	--

Kami hanya akan menyimpan data peribadi anda selama yang semunasabahnya perlu untuk memenuhi tujuan kami mengumpulnya, termasuk untuk memenuhi sebarang keperluan undang-undang, pengawalseliaan, cukai, perakaunan atau pelaporan. Kami mungkin menyimpan data peribadi anda untuk tempoh yang lebih lama sekiranya terdapat aduan atau jika kami semunasabahnya percaya terdapat kemungkinan litigasi berkenaan dengan perhubungan kami dengan anda.

Untuk menentukan tempoh penyimpanan yang sesuai untuk data peribadi, kami mempertimbangkan jumlah, sifat dan sensitiviti data peribadi, potensi risiko bahaya daripada penggunaan atau pendedahan data peribadi anda yang tidak dibenarkan, tujuan kami memproses data peribadi anda dan sama ada kami boleh mencapai tujuan tersebut melalui cara-cara lain, dan keperluan terpakai undang-undang, pengawalseliaan, cukai, perakaunan atau lain-lain.

Dengan siapa Kumpulan Lego akan menzahirkan data peribadi?

Penzahiran maklumat dengan syarikat-syarikat dalam Kumpulan LEGO

Subsidiari-subsidiari kami (syarikat-syarikat lain dalam Kumpulan LEGO) mungkin perlu mengakses maklumat anda untuk menyediakan perkhidmatan kepada anda bagi pihak kami atau pihak mereka sendiri. Mereka memerlukan data peribadi anda supaya kami atau mereka boleh melaksanakan aktiviti-aktiviti yang disenaraikan dalam jadual di atas, termasuk sebagai contoh:

- Menyampaikan produk-produk dan perkhidmatan yang anda minta
- Berhubung dengan anda tentang akaun anda atau transaksi anda
- Menghantar maklumat mengenai laman, aplikasi dan dasar kami kepada anda
- Menghantar mesej pemasaran langsung kepada anda
- Menghantar katalog produk kepada anda
- Memproses maklumat di mana subsidiari tersebut telah dikontrakkan secara rasmi untuk memproses maklumat tersebut bagi pihak kami, contohnya menjalankan pembelian yang dibuat oleh anda, menguruskan aktiviti Akaun Lego anda atau data akaun VIP anda, dan/atau menguruskan pilihan anda di pusat keutamaan kami di LEGO.com.
- Penyelidikan dalaman, analisis dan pelaporan
- Mengenal pasti, menyemak dan menghentikan sebarang aktiviti-aktiviti yang boleh melanggar dasar-dasar kami atau melanggar undang-undang

Pemindahan ke syarikat-syarikat Kumpulan LEGO di luar Kawasan Ekonomi Eropah adalah berdasarkan Peraturan-peraturan Korporat Terikat.

Penzahiran maklumat dengan syarikat-syarikat lain

Sila lihat senarai kategori pihak ketiga yang dipercayai yang kami mungkin zahirkan maklumat anda di sini. Kami memproses data peribadi dengan penjual-penjual perkhidmatan dalam kategori-kategori berikut:

- **Pembekal Perkhidmatan IT.** Kami menggunakan kumpulan rakan kongsi di seluruh dunia yang dipercayai untuk menyediakan perkhidmatan IT dan perkhidmatan pengendalian sistem kepada kami - berhubung dengan pelanggan kami dan aktiviti melibatkan perjumpaan rakan kongsi kami serta sistem IT dalaman dan sistem pengendalian kami.
- **Pembekal pembayaran global dan rakan kongsi pemprosesan.** Mereka membantu kami menjamin proses pembayaran yang selamat dan cekap dalam talian, di kedai kami atau melalui invois atau pemindahan wang.

- **Rakan kongsi storan awan.** Kami menyimpan data kami dan data anda di pusat data yang selamat.
- **Rakan kongsi dan agensi pencegahan dan pengesanan frod.** Mereka bekerjasama dengan Kumpulan LEGO untuk memastikan bahawa Kumpulan LEGO tidak ditipu.
- **Rakan kongsi pergudangan, pembungkusan, penghantaran dan penyampaian.** Mereka membantu kami untuk menyampaikan produk kami ke tangan pelanggan-pelanggan dan rakan kongsi perniagaan kami.
- **Rakan kongsi percetakan katalog, mel dan pos.** Mereka membantu kami memastikan katalog dan majalah sampai kepada anda.
- **Rakan kongsi broker data dan pengagregat data.** Mereka membantu kami untuk menemui bakal pembeli baru dengan katalog, majalah dan pemasaran dan pengiklanan lain. Mereka juga membantu kami untuk mengelakkan contohnya lebih daripada satu katalog LEGO® sampai kepada anda pada masa yang sama.
- **Rakan kongsi pemasaran dan pengiklanan.** Mereka membantu kami untuk menyediakan iklan, promosi, cabutan bertuah, peraduan dan kempen yang disesuaikan semasa anda berinteraksi dengan Kumpulan LEGO di platform dalam talian, di media sosial, kedai atau sebaliknya. Mereka juga membantu kami mencari bakal pembeli baru untuk menyampaikan mesej pemasaran (juga dipanggil "serupa") atau membantu kami untuk memastikan bahawa kami tidak menyampaikan mesej pemasaran kepada pembeli yang tidak berminat dengan produk atau perkhidmatan yang disebut (juga dipanggil "senarai penindasan").
- **Rakan kongsi B2B termasuk rakan kongsi Merlin Entertainments dan Kedai Bertauliah LEGO.** Mereka membantu kami untuk dapat mengendalikan promosi, cabutan bertuah, peraduan dan kempen termasuk program kesetiaan VIP LEGO®, serta membantu kami untuk dapat menyediakan iklan dan pandangan pembeli yang disesuaikan.
- **Rakan kongsi media sosial dan platform carian dalam talian.** Mereka membantu kami untuk mempunyai kehadiran, membolehkan anda berinteraksi dengan Kumpulan LEGO pada platform di mana anda berada, dan membolehkan kami menyediakan pemasaran yang disesuaikan untuk produk kami.
- **Tinjauan, soal selidik dan pembekal ulasan produk.** Mereka membantu kami untuk mendapatkan maklum balas penting anda tentang pengalaman LEGO® anda.
- **Pihak berkuasa cukai dan kastam, pengawal selia dan pihak berkuasa lain di seluruh dunia.** Mereka memerlukan pelaporan aktiviti pemprosesan dalam keadaan tertentu.
- **Penasihat profesional. Termasuk peguam, jurubank, juruaudit dan penanggung insurans di seluruh dunia.** Mereka menyediakan perkhidmatan perundangan, perbankan, undang-undang, insurans dan perakaunan kepada Kumpulan LEGO.

Kegunaan dan penzahiran lain

Kami juga akan menggunakan dan menzahirkan data peribadi menurut apa yang kami percayai perlu atau sesuai: (a) untuk mematuhi undang-undang yang terpakai (mungkin termasuk undang-undang di luar negara tempat tinggal anda); (b) untuk menjawab permintaan daripada pihak-pihak berkuasa awam dan kerajaan (mungkin termasuk pihak-pihak berkuasa di luar negara tempat tinggal anda); (c) untuk bekerjasama dengan penguatkuasaan undang-undang; (d) untuk melindungi hak, privasi, keselamatan atau harta benda kami, dan ahli gabungan kami, anda atau orang lain.

Di samping itu, kami akan menggunakan, menzahirkan atau memindahkan data peribadi kepada pihak ketiga sekiranya berlaku sebarang penyusunan semula, penggabungan, penjualan, usaha sama, tugas.

Pemindahan ke negara-negara ketiga

Kumpulan LEGO boleh memindahkan data peribadi kepada organisasi di negara-negara ketiga tersebut (negara-negara di luar Kawasan Ekonomi Eropah). Pemindahan tersebut boleh dibuat jika mana-mana syarat berikut adalah terpakai;

- Suruhanjaya EU telah memutuskan bahawa terdapat tahap perlindungan yang mencukupi di negara yang berkenaan; atau
- Peraturan Korporat Terikat (BCR) adalah dalam kewujudan (untuk pemindahan antara syarikat); atau
- [Fasal Kontrak Standard](#) (fasal model EU) digunakan; atau
- Pengecualian dalam keadaan-keadaan khas yang terpakai, seperti untuk memenuhi kontrak dengan anda atau persetujuan anda terhadap pemindahan tertentu.

BAHAGIAN 3: KUKI DAN TEKNOLOGI YANG SERUPA ("KUKI") Kuki adalah fail data kecil yang diletakkan oleh pelayar anda pada komputer atau peranti anda. Kuki itu dengan sendirinya tidak mengandungi atau mengumpul maklumat. Walau bagaimanapun, apabila ia dibaca oleh pelayan melalui pelayar web, ia dapat membantu laman web untuk menyampaikan perkhidmatan yang lebih mesra kepada pengguna - contohnya, mengingatkan pembelian sebelumnya atau butiran-butiran akaun.

Untuk maklumat lanjut mengenai kuki dan cara menguruskannya, sila baca [Dasar Kuki](#) dan [Deklarasi Kuki](#) penuh kami. atau klik pada tetapan kuki anda di LEGO.com atau dalam permainan digital atau aplikasi (jika berkenaan).

BAHAGIAN 4: MAKLUMAT UNTUK IBU BAPA

Maklumat untuk ibu bapa: bagaimana Kumpulan LEGO mengendalikan data peribadi kanak-kanak

Memastikan kanak-kanak selamat dalam talian

Kami sangat mengambil berat tentang memastikan kanak-kanak selamat dalam talian dan mempunyai proses privasi tambahan untuk memastikan bahawa peminat muda kami selamat apabila mereka menggunakan saluran dalam talian kami. Malah, terdapat sesetengah ciri-ciri yang mempunyai pintu umur untuk mengelakkan kanak-kanak daripada secara tidak sengaja menggunakan ciri-ciri tersebut. Kami juga mengambil semua penjagaan yang munasabah untuk memastikan bahawa kami tidak akan secara sedar mengumpul, menyimpan, menggunakan atau memproses maklumat peribadi daripada kanak-kanak yang mungkin menggunakan ciri-ciri tersebut tanpa persetujuan ibu bapa yang sah.

Kami telah menyertai program keselamatan kanak-kanak digital yang mengaudit syarikat kami pada setiap tahun untuk memastikan bahawa kami mematuhi peraturan-peraturan berkenaan dengan cara berinteraksi dengan kanak-kanak dalam talian.

Untuk tujuan data peribadi, kami menganggap sesiapa sahaja di bawah umur 16 tahun sebagai seorang kanak-kanak dan perlu mendapatkan persetujuan ibu bapa.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau kebimbangan mengenai Dasar Privasi kami, sila [hubungi kami](#).

Apabila kami memproses maklumat peribadi daripada kanak-kanak, kami mengambil langkah-langkah tambahan untuk melindungi privasi mereka termasuk:

- Memastikan kami memberitahu ibu bapa tentang apa maklumat peribadi yang kami kumpulkan, simpan, gunakan dan proses daripada anak mereka dan menjelaskan sama ada kami berkongsi maklumat tersebut;

- Memenuhi keperluan undang-undang dengan meminta persetujuan ibu bapa untuk mengumpul, menggunakan dan memproses data seorang kanak-kanak dan meminta persetujuan untuk menghantar maklumat tentang produk-produk dan perkhidmatan kami kepada anak-anak mereka;
- Mengehendkan cara kami mengumpul, menyimpan, menggunakan dan memproses maklumat peribadi daripada kanak-kanak, supaya hanya data yang semunasabahnya diperlukan untuk mereka mengambil bahagian dalam suatu aktiviti dalam talian akan dikumpulkan;
- Memberi kepada ibu bapa akses atau pilihan untuk meminta akses kepada maklumat peribadi yang kami kumpulkan daripada anak mereka - ibu bapa juga boleh meminta maklumat peribadi anak-anak mereka untuk diubah atau dihapuskan.

Mengumpul dan menggunakan maklumat kanak-kanak

Walaupun sesetengah laman web, saluran dan aplikasi kami direka bentuk dengan mengambil kira keluarga dan pengguna-pengguna dari semua peringkat umur, terdapat yang lain di mana tujuannya digunakan terutamanya oleh kanak-kanak sahaja. Pada setiap kali kami mengumpul maklumat peribadi daripada seorang kanak-kanak, kami hanya menyimpan maklumat tersebut untuk tempoh masa yang kami perlukan untuk menyediakan sesuatu perkhidmatan atau untuk tempoh masa yang diperlukan oleh undang-undang untuk disimpan dalam rekod.

Walaupun kanak-kanak boleh memilih sama ada untuk menzahirkan maklumat mereka kepada kami, terdapat ciri-ciri laman web kami yang tidak akan berfungsi jika mereka tidak memberikan maklumat mereka kepada kami. Sekiranya maklumat peribadi diperlukan untuk ciri-ciri berfungsi, kami hanya akan meminta maklumat yang diperlukan secara munasabah untuk tujuan mengambil bahagian dalam aktiviti tersebut.

Berikut adalah beberapa contoh keadaan-keadaan apabila kami mengumpul data kanak-kanak:

- **Apabila kanak-kanak mendaftar dalam talian.** Kanak-kanak boleh mendaftar di laman web kami untuk mengakses pelbagai perkhidmatan termasuk kandungan, permainan dan peraduan. Semasa pendaftaran, kami mungkin meminta kanak-kanak memberikan alamat e-mel ibu bapa atau penjaga mereka, nama pertama kanak-kanak, jantina, tarikh lahir mereka, nama pengguna dan kata laluan mereka. Kami menggunakan maklumat ini untuk tujuan keselamatan dan pemberitahuan. Kami sangat menggalakkan kanak-kanak untuk mencipta nama pengguna yang tidak termasuk sebarang maklumat peribadi.

- **Apabila kanak-kanak berkongsi kandungan yang dicipta oleh mereka sendiri.** Sesetengah laman web kami membenarkan kanak-kanak untuk mencipta atau menggunakan kandungan itu dengan sendiri. Oleh kerana hanya terdapat sesetengah ciri-ciri ini memerlukan maklumat peribadi daripada kanak-kanak, bukan semua aktiviti memerlukan persetujuan daripada ibu bapa atau penjaga. Apabila sesuatu aktiviti bakal membenarkan kanak-kanak berkongsi maklumat peribadi, kami akan meminta 'persetujuan ibu bapa atau penjaga yang boleh disahkan' (yang merupakan tahap persetujuan ibu bapa yang lebih tinggi). Contoh-contoh data peribadi adalah seperti cerita, medan teks bebas, lukisan yang membenarkan kemasukan teks atau kemasukan bebas maklumat, gambar kanak-kanak, klip bunyi, fail filem atau apa-apa jenis kandungan atau pengecam berterusan lain yang boleh mengenal pasti kanak-kanak dengan jelas dalam sesuatu cara.
- **Apabila kanak-kanak memasuki peraduan dan cabutan bertuah.** Jika seseorang kanak-kanak ingin memasuki peraduan, kami meminta maklumat peribadi yang kami perlukan bagi kanak-kanak untuk mengambil bahagian. Kami biasanya hanya meminta nama pertama kanak-kanak (supaya kami boleh membezakan kanak-kanak dari keluarga yang sama) dan alamat e-mel ibu bapa atau penjaga (supaya kami memenuhi keperluan undang-undang untuk memaklumkan kepada orang dewasa yang bertanggungjawab). Kami hanya akan menghubungi ibu bapa jika kanak-kanak tersebut memenangi peraduan atau cabutan bertuah supaya kami boleh mengetahui alamat untuk menghantar hadiah. Jika peraduan tersebut memerlukan kanak-kanak untuk mencipta kandungan sebagai syarat kemasukan, kami mungkin perlu meminta persetujuan ibu bapa melalui e-mel terlebih dahulu untuk memastikan kami memenuhi keperluan privasi bagi kandungan yang dicipta oleh kanak-kanak sendiri (sila lihat maklumat di atas tentang kanak-kanak yang mencipta kandungan). Tanpa persetujuan, kanak-kanak tidak akan dapat mengambil bahagian dalam peraduan kami.
- **Apabila kanak-kanak menerima e-mel daripada kami.** Kami mungkin perlu meminta butiran hubungan kanak-kanak (termasuk alamat e-mel mereka) supaya kami boleh menjawab soalan yang mereka bertanya kepada kami. Jika kami perlu menghubungi kanak-kanak itu untuk kali kedua, contohnya untuk menjawab soalan tambahan, kami akan meminta alamat e-mel daripada ibu bapa atau penjaga mereka. Kami kemudiannya hanya menyimpan maklumat hubungan dalam talian kanak-kanak itu untuk tempoh masa yang diperlukan untuk memenuhi permintaan mereka dan tidak akan menggunakan maklumat tersebut untuk tujuan lain. Jika kami memerlukan maklumat hubungan dalam talian seseorang kanak-kanak untuk komunikasi yang berterusan, kami akan meminta alamat e-mel ibu bapa atau penjaga pada peluang yang paling awal supaya kami dapat memastikan orang dewasa dimaklumkan tentang data yang kami kumpulkan dan memberi pilihan kepada ibu bapa untuk meminta kami berhenti mengumpul data. Ibu bapa atau penjaga boleh memilih untuk keluar daripada sebarang komunikasi yang kami ada dengan anak mereka pada bila-bila masa dengan mengikuti arahan berhenti melanggan dalam setiap jenis komunikasi (jika terdapat lebih daripada satu jenis komunikasi, orang dewasa mungkin perlu

memilih keluar daripada setiap komunikasi berasingan). Sebagai alternatif, mereka boleh menghubungi pasukan Perkhidmatan Pelanggan LEGO kami.

- **Apabila kanak-kanak menerima pemberitahuan segera dalam aplikasi (push notification).** Banyak aplikasi menghantar 'pemberitahuan segera' (push notification) kepada telefon bimbit atau peranti pelanggan mereka bagi tujuan memberitahu mereka tentang maklumat terkini (kadang-kadang walaupun aplikasi tidak digunakan). Sesetengah aplikasi kami direka untuk digunakan oleh kanak-kanak. Kami meminta kanak-kanak untuk memberikan alamat e-mel ibu bapa atau penjaga mereka, supaya kami boleh memberitahu orang dewasa tentang permintaan anak mereka sebelum kami menghantar pemberitahuan segera (push notification) kepada kanak-kanak daripada aplikasi kami. Kami tidak menghubungkan pengecam peranti dengan sebarang maklumat peribadi lain tanpa persetujuan ibu bapa. Jika anda ingin anak anda untuk berhenti menerima pemberitahuan segera (push notification) daripada salah satu aplikasi, anda boleh menukar tetapan pada peranti yang anak anda gunakan pada bila-bila masa.
- **Apabila kami mengumpul maklumat lokasi.** Sesetengah laman web, saluran dan aplikasi kami direka untuk kanak-kanak. Kami meminta persetujuan daripada ibu bapa atau penjaga melalui e-mel sebelum mengumpul maklumat mengenai nama jalan, alamat atau koordinat kanak-kanak. Kami berbuat demikian kerana maklumat sedemikian akan membolehkan kami untuk mengenal pasti seseorang kanakkanak tertentu dengan berkesan. Sebaliknya, kami tidak memerlukan persetujuan ibu bapa untuk mengumpul maklumat mengenai bandar, negara atau rantau kanak-kanak selagi ia tidak dikaitkan secara langsung dengan kanak-kanak tersebut. Sebabnya, adalah kerana maklumat umum sedemikian tidak akan membolehkan kami untuk mengenal pasti kanak-kanak tertentu. Jika anda ingin menghentikan kami untuk mengumpul maklumat lokasi jenis ini, anda boleh menyesuaikan tetapan pada peranti yang anak anda gunakan pada bila-bila masa. Sebagai alternatif, sila hubungi pasukan Perkhidmatan Pelanggan LEGO kami.
- **Apabila kami mengumpul 'pengecam berterusan'.** Untuk memberi pelawat ke saluran dalam talian kami suatu pengalaman dalam talian yang lebih relevan dan diperibadikan, kami mengumpulkan beberapa jenis maklumat (contohnya maklumat mengenai alamat IP, pengecam peranti mudah alih, pelayar web, penyedia perkhidmatan internet, perujuk halaman, halaman keluar, kekerapan pelawat, sistem operasi, tanda tarikh, tanda waktu dan data aliran klik (clickstream)). Kami mengumpul maklumat ini menggunakan teknologi seperti kuki, piksel, kuki flash, suar web dan pengecam unik lain (yang kami takrifkan di bawah bahagian Kuki Dasar Privasi ini). Kami mungkin mengumpul maklumat ini dengan sendiri atau melalui suatu pihak ketiga yang memproses data bagi pihak kami. Kami menggunakan data ini untuk memberi kanak-kanak akses kepada ciri-ciri dan aktiviti dalam talian, untuk menyesuaikan kandungan, untuk bertambah baik saluran dalam talian kami, untuk menganalisis prestasi saluran dalam talian kami dan untuk membuat laporan

tanpa nama. Jika kami ingin mengumpul data peribadi kanak-kanak atas apa-apa sebab, kami akan menghubungi ibu bapa atau penjaga kanak-kanak itu terlebih dahulu. Senarai pengendali pihak ketiga yang mengumpul 'pengecam berterusan' di laman-laman dan aplikasi kami boleh didapati dalam Dasar Kuki dan Deklarasi Kuki kami.

Meminta keizinan ibu bapa

Kami menggunakan pelbagai jenis persetujuan ibu bapa, bergantung pada jenis data kanak-kanak yang kami proses dan untuk tujuan apa.

Meminta persetujuan ibu bapa melalui e-mel

Jika kami perlu mengumpul maklumat peribadi kanak-kanak untuk menyediakan perkhidmatan yang diminta oleh kanak-kanak tersebut, kami akan meminta persetujuan ibu bapa mengikut keperluan undang-undang (contohnya COPPA untuk AS dan GDPR untuk EU). Kami akan menghantar suatu e-mel kepada ibu bapa atau penjaga kanak-kanak tersebut untuk menerangkan maklumat yang kami kumpulkan, cara kami merancang untuk menggunakannya dan meminta ibu bapa memberi atau menolak persetujuan mereka. Jika kami tidak menerima persetujuan ibu bapa dalam masa yang munasabah, kami akan memadamkan semua maklumat yang kami kumpulkan daripada kanak-kanak tersebut termasuk maklumat hubungan orang dewasa yang kami minta untuk mendapatkan persetujuan.

Meminta 'persetujuan ibu bapa yang disahkan'

Jika seseorang kanak-kanak ingin berkongsi maklumat peribadi secara terbuka atau dengan pihak ketiga melalui salah satu laman web atau pengalaman digital kami, kami akan mendapatkan tahap persetujuan ibu bapa yang lebih tinggi daripada permintaan e-mel yang diterangkan di atas. Kami mungkin meminta pengesahan melalui kad kredit atau kaedah pembayaran lain (dengan caj nominal yang terlibat), atau semakan kad pengenalan rasmi kerajaan ibu bapa tersebut.

Bagaimana jika ibu bapa atau penjaga belum dihubungi untuk mendapatkan persetujuan?

Jika kanak-kanak di bawah umur 16 tahun mengakses saluran dalam talian yang direka untuk kanak-kanak dengan menggunakan pintu umur, kami akan menghantar e-mel kepada ibu bapa atau penjaga kanak-kanak itu sebelum mengumpul sebarang maklumat peribadi daripada kanak-kanak tersebut. Jika anda berpendapat bahawa anak anda sedang mengambil bahagian dalam aktiviti dalam talian yang mengumpul maklumat peribadi mereka dan anda atau ibu bapa/penjaga lain belum menerima e-mel yang menghubungi anda untuk mendapatkan persetujuan, sila

hubungi kami. Kami tidak akan menggunakan alamat e-mel yang diberi untuk persetujuan ibu bapa bagi sebarang tujuan lain melainkan orang dewasa tersebut telah secara jelas memilih masuk untuk menerima e-mel pemasaran atau mengambil bahagian dalam suatu aktiviti yang membenarkan hubungan e-mel.

Pilihan dan kawalan ibu bapa

Pada bila-bila masa, ibu bapa atau penjaga boleh enggan membenarkan kami untuk menggunakan dan mengumpul maklumat peribadi lanjut daripada anak mereka. Ibu bapa atau penjaga boleh meminta kami untuk memadamkan maklumat peribadi yang kami kumpulkan berkenaan dengan akaun anak mereka daripada rekod kami. Oleh kerana maklumat peribadi diperlukan untuk sesetengah perkhidmatan, pemadaman rekod seseorang kanak-kanak mungkin boleh menyebabkan akaun, keahlian atau perkhidmatan tidak tersedia kepada kanak-kanak tersebut pada masa akan datang.

Jika seseorang kanak-kanak mempunyai Akaun LEGO yang berdaftar, ibu bapa atau penjaga boleh mengakses, mengubah atau memadam maklumat peribadi yang kami kumpulkan daripada anak mereka dengan:

- Menggunakan nama pengguna dan kata laluan anak mereka untuk log masuk ke Akaun LEGO anak mereka; atau
- Berhubung dengan pasukan Perkhidmatan Pelanggan LEGO kami

Jika anda lebih suka [menghubungi kami](#), sila beritahu kami nama pengguna anak anda bersama-sama dengan nombor telefon dan alamat emel anda sendiri. Kami perlu mengesahkan identiti anda sebagai ibu bapa atau penjaga kanak-kanak tersebut sebelum memberikan akses kepada maklumat peribadi kanak-kanak tersebut. Kami akan menjawab permintaan anda dalam jangka masa yang munasabah.

BAHAGIAN 5: MAKLUMAT UNTUK KANAK-KANAK

Maklumat untuk kanak-kanak: Maklumat Privasi Mesra Kanak-kanak

Siapakah kami?

Kami adalah Kumpulan LEGO dan kami ingin memberi inspirasi dan membangunkan pembina esok. Kami membuat banyak produk-produk seperti bata dan set LEGO®, serta aplikasi digital dan permainan. Kami juga mengendalikan kedai-kedai di seluruh dunia dan di Internet, dan kami mengendalikan laman web LEGO.com.

Dasar Privasi ini memberitahu anda bagaimana kami menggunakan data peribadi anda, supaya anda dapat tahu apa yang berlaku dengannya apabila anda memberikannya kepada kami.

Kadang-kadang, terdapat pautan-pautan ke halaman lain. Anda mungkin perlu minta seorang dewasa untuk membantu anda dengan ini kerana mereka mungkin boleh mengelirukan.

Data peribadi? Apakah itu?

Apa-apa sahaja yang boleh digunakan untuk mengenal pasti anda adalah data peribadi anda. Anda mungkin sudah tahu ini termasuk perkara seperti nama anda atau foto anda, tetapi ia juga melibatkan perkara seperti alamat e-mel atau nama pengguna dalam talian anda.

Kumpulan LEGO menggunakan banyak data peribadi. Jika anda ingin mengetahui lebih lanjut, sila minta seorang dewasa untuk membantu anda membaca keseluruhan Dasar Privasi.

Mengapa anda memerlukan data peribadi saya?

Sebab utama kami perlu menggunakan data peribadi anda adalah untuk mengetahui siapa anda.

Jika anda log masuk ke salah satu aplikasi atau permainan kami, kami menggunakan data peribadi anda untuk menjejaki kemajuan permainan anda, untuk membantu anda kekal berhubung dengan rakan anda dalam aplikasi atau permainan, atau untuk membolehkan anda menyimpan kandungan yang anda telah muat naik ke Akaun LEGO anda.

Kadangkala kami juga menggunakan data peribadi anda kerana suatu acara yang anda sertai, atau peraduan yang kami anjurkan, untuk memastikan bahawa jika anda memenangi hadiah tersebut, anda akan mendapat hadiah anda.

Jika kami tidak mempunyai data peribadi anda, ini bermakna kami mungkin tidak dapat melakukan perkara-perkara tertentu untuk anda. Kami mungkin tidak dapat mengingati sejauh mana anda berjaya dalam permainan tertentu, atau membolehkan anda memuat naik foto untuk dikongsi dengan rakan-rakan.

Jika anda ingin mengetahui lebih lanjut mengenai apa yang kami lakukan dengan data peribadi anda, anda boleh meminta orang dewasa membaca Dasar Privasi penuh dengan anda untuk membantu anda memahami butirannya.

Jadi, bolehkah anda menggunakan data peribadi saya untuk apa-apa sahaja?

Tidak! Kami hanya boleh menggunakan data peribadi anda atas sebab-sebab tertentu.

Kami menyediakan banyak perkhidmatan dalam talian, dan terdapat beberapa peraturan yang mengatakan bahawa kami perlu menggunakan data peribadi anda untuk melakukan kerja kami dan menyampaikan perkhidmatan kepada anda, dan kami boleh melakukan ini tanpa meminta anda terlebih dahulu.

Pada masa lain, kami perlu mendapatkan persetujuan daripada ibu bapa anda. Jika anda atau ibu bapa anda (atau penjaga) mengatakan tidak, maka kami tidak akan (dan tidak boleh) menggunakan data peribadi anda.

Bolehkah orang lain melihat data peribadi saya?

Kadang-kadang kami perlu berkongsi data peribadi anda untuk melakukan kerja kami. Kami sangat berhati-hati tentang cara kami melakukan sebegini, dan ini bermaksud terdapat lebih banyak peraturan.

Kami mungkin perlu berkongsi data anda dengan keluarga anda jika mereka sedang membantu anda. Selain itu, kami mungkin perlu berkongsi data anda dengan orang lain. Sila minta seorang dewasa untuk membantu anda membaca Dasar Privasi dan Dasar Kuki dan Deklarasi Kuki penuh kami.

Adakah anda menyimpan data peribadi saya selama-lamanya?

Kami hanya dibenarkan menyimpan data peribadi anda selagi kami memerlukannya. Bergantung kepada keadaan, tempoh masa ini boleh berbeza-beza.

Adakah saya mempunyai peluang bersuara dalam apa yang akan berlaku kepada data peribadi saya?

Ya, anda boleh. Anda mempunyai apa yang kami panggil 'hak' apabila kami menggunakan data anda. Salah satunya adalah hak untuk mengetahui apa yang kami lakukan dengannya. Itulah tujuan halaman ini.

Anda boleh meminta kami memberitahu anda apa data peribadi yang kami ada mengenai anda, atau anda boleh memberitahu kami untuk berhenti menggunakannya atau memadamkannya. Jika data peribadi anda salah atau tidak betul, anda boleh memberitahu kami dan kami akan membetulkannya.

Hak yang anda miliki bergantung pada tujuan kami menggunakan data anda, dan terdapat lebih banyak maklumat dalam Dasar Privasi ini. Sila minta seorang dewasa untuk membantu anda membacanya.

Siapa yang memastikan anda mematuhi semua peraturan?

Kami mempunyai seseorang di Kumpulan LEGO yang dipanggil Pegawai Perlindungan Data kami, dan tugas mereka adalah untuk melindungi data anda. Ini bermakna mereka akan memastikan kami mengikuti semua peraturan, dan data anda selamat. Jika mereka ternampak sesuatu yang salah, mereka akan memberitahu kami bagaimana kami boleh membetulkannya.

Ia adalah sangat penting bagi kami untuk memastikan data anda selamat, dan untuk mematuhi semua peraturan. Jika anda bimbang tentang apa yang kami lakukan dengan data peribadi anda, sila hubungi kami.

Terdapat juga agensi kerajaan yang tugasnya adalah untuk memastikan syarikat-syarikat seperti kami mematuhi peraturan, dan membetulkan kami jika kami melakukan perkara yang salah. Anda juga boleh menghantar e-mel atau menulis kepada mereka. Anda boleh menemui maklumat hubungan mereka di www.datatilsynet.dk.

Mengenai laman web kami

Seperti banyak laman web, laman web kami memuat turun fail-fail kecil yang dipanggil "kuki" ke komputer anda. Ini membantu laman web kami berfungsi dengan baik untuk anda. Anda boleh mengetahui lebih lanjut tentang kuki dalam video Captain Safety kami, di sini.

[Dasar Privasi LEGO BrickLink, Inc.](#)

[Dasar Privasi LEGO Education](#)

Sekiranya terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia berkenaan dengan Dasar Privasi ini, terma-terma yang dinyatakan dalam versi Bahasa Inggeris bagi Dasar Privasi ini akan diguna pakai.